



POLISI ANTI- RASUAH/KORUPSI

KPJ Healthcare Berhad (KPJHB) dan Syarikat-syarikat dalam Kumpulan KPJ hendaklah menegakkan etika nilai bisnes yang baik dengan mencegah dan menghapuskan segala bentuk rasuah/korupsi dalam mencapai visi dan misi organisasi untuk menjaga kepentingan pihak-pihak berkepentingan.

KPJHB dan Syarikat-syarikat dalam Kumpulan KPJ bertanggungjawab:

1. Menanam dan mempraktikkan kebaikan-kebaikan beretika di dalam organisasi;
2. Menghindari sebarang kemungkinan yang mendorong berlakunya amalan-amalan tidak beretika dan tidak benar;
3. Mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, peraturan-peraturan, Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ISO 37001:2016) dan lain-lain keperluan;
4. Mengambil tindakan-tindakan yang perlu terhadap anggota pekerja dan lain-lain pihak yang berminat untuk melanggar undang-undang, peraturan-peraturan, polisi Sistem Pengurusan Anti Rasuah dan lain-lain keperluan;
5. Bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan untuk memerangi ancaman- ancaman rasuah dan penipuan;
6. Jawatankuasa Sistem Pengurusan Anti Rasuah dan Unit Integriti ditubuhkan untuk memantau dan memastikan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah dilaksanakan seterusnya melaporkan kepada Jawatankuasa Risiko dan Tadbir Urus untuk tujuan penambahbaikan;
7. Mematuhi Kod Perilaku dan Etika Bisnes dan mengamalkan nilai-nilai yang baik berdasarkan moral dan prinsip-prinsip keagamaan semasa menjalankan tugas dan melakukan peningkatan berterusan;
8. Menggalakkan saluran pelaporan (polisi Whistleblowing) untuk semua bentuk risiko rasuah/korupsi.

02 April 2024
(Isu: 04)

Tan Sri Dato' Sri Dr Ismail Haji Bakar
Pengerusi KPJ Healthcare Berhad